

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NEGARA

Melibatkan kesalahan tiada notis, label berkaitan penjualan minuman beralkohol

# Arak dijual tak ikut arahan dirampas

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

**SHAH ALAM** – Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) merampas 831 produk minuman beralkohol pelbagai jenama bernilai RM11,695 dalam operasi sekitar negeri ini pada Khamis lalu.

Pengarahnya, Datuk Dr. Khalid Ibrahim berkata, kesemua minuman itu dirampas kerana tidak mematuhi keperluan pelabelan produk minuman beralkohol yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Makanan (PPM) 1985.

Katanya, Operasi Minuman Beralkohol itu dijalankan bagi melihat kepatuhan peniaga ter-



SEORANG pegawai JKNS memeriksa produk minuman beralkohol pelbagai jenama dalam satu operasi sekitar Selangor pada Khamis lalu.

hadap standard am bagi minuman beralkohol selain daripada keperluan

pelabelan.

"Dalam operasi sama, sebanyak 15 notis bawah

Seksyen 32B Akta Makanan 1983 bagi pelbagai kesalahan yang boleh

dikompaun telah dikeluarkan dengan nilai kompaun berjumlah RM52,500.

"Kesalahan boleh ditemui adalah kegagalan peniaga mempamerkan notis 'Meminum arak boleh membahayakan kesihatan' di hadapan lokasi dijual," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, Khalid berkata, kesalahan lain yang dikesan adalah tanda larangan jualan minuman beralkohol kepada mereka yang berumur kurang daripada 21 tahun tidak dipamerkan di kaunter jualan.

"Turut kita kesan adalah kesalahan tidak menyediakan kabinet atau rak berasingan bagi mem-

pamerkan minuman beralkohol dengan makanan lain," jelasnya.

Menurut Khalid, pihaknya sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh menyebabkan kekeliruan dan penipuan terhadap penjualan produk makanan kepada pengguna.

"Jika terdapat aduan berkaitan dengan keselamatan makanan, pengguna boleh menghubungi terus JKNS atau Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang terdekat.

"Selain itu, aduan juga boleh dibuat melalui laman web <http://moh.spab.gov.my> atau facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan [www.facebook.com/jknselangor](http://www.facebook.com/jknselangor)," katanya.